

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1-2

RUANGAN : -

## Kluster Sungai jangkit staf KMC

**ALOR SETAR:** Kedah Medical Centre (KMC) giat menjalankan pembersihan dan sanitasi membabitkan bilik pembedahan di pusat perubatan itu ekoran jangkitan Covid-19 membabitkan dua kakitangannya.

Pusat perubatan swasta itu dalam kenyataan semalam menjelaskan, KMC terpaksa menjadualkan semula semua pembetahan sejak 6 September lalu.

"Perkhidmatan lain termasuk pesakit luar dan rawatan di wad diteruskan seperti biasa," katanya.

Dalam kenyataan tersebut, KMC mengesahkan dua kakitangananya dijangkiti Covid-19 setelah ujian saringan dijalankan ke atas mereka pada 5 September.

"Kes indeks adalah kakitangan KMC yang mempunyai gejala Covid-19 sementara kes kedua mempunyai kontak dengan mereka.

"Kedua-duanya disahkan positif dan kes diserahkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM)," ujarnya.

Tambah beliau, KMC berterusan melaksanakan pembersihan



**KMC di Alor Setar mengesahkan dua kakitangannya dijangkiti Covid-19.**

dan sanitasi di seluruh kawasan terjejas di pusat perubatan itu.

"Selain itu KMC juga mengambil langkah sepatutnya dengan mengenal pasti semua kontak pesakit itu," katanya.

KKM semalam memaklum-

kan bahawa kluster baharu iaitu Kluster Sungai dikenal pasti di sebuah pusat perubatan di Kedah.

Kluster Sungai merupakan kluster keenam yang dikesan di Kedah sejak 28 Julai lalu.